

Tragedi Bukit Antarabangsa menuntut kemesraan alam, insan

Oleh Jamhariah Jaafar
rencanabh@bharian.com.my

BH 15/12/02 MS 33

SUDAH lebih seminggu berlalu sejak Bukit Antarabangsa sekali lagi dikejutkan dengan kejadian tanah runtuh pada pagi 6 Disember lalu, pelbagai cerita didengar. Dari-pada tindak-tanduk sebilangan anggota pasukan penyelamat, keremah orang ramai sehingga spekulasi mengenai nilai hartanah di situ. Walaupun yang dilaporkan maut hanya empat orang, kesan kejadian itu memeritkan, terutama penduduk daerah – termasuk kawasan perumahan yang tidak terbabit dengan tragedi itu.

Kedadaan air mencurah-curah keluar dari kawasan tanah runtuh dan banjir sehingga hampir 0.6 meter, sekali gus membuatkan semua sedar bahawa wujud saluran air besar di dalam perut Bukit Antarabangsa dan ketidakmampuan untuk bertahan menjadikan perut bumi di puncak bukit itu pecah – tanah menggelongsor dan mengheret rumah banglo dari atas.

Bagai kesan domino, heretan pertama menimpa ke atas 14 rumah dan rumah yang pada peringkat akhir, hilang ditelan bumi.

Ironinya, tiga kejadian besar tanah runtuh yang berlaku di sekitar kawasan bukit sekitar Bukit Antarabangsa ini berlaku pada November hingga Disember. Tragedi paling buruk di Highland Towers berlaku pada 11 Disember 1993, mengorbankan 48 nyawa, manakala kejadian yang meranapkan rumah bekas Panglima Angkatan Tentera Jen (B) Tan Sri Ismail Omar, pada November 2002.

Hakikatnya, tragedi pagi 6 Disember lalu seolah-olah ditunggu untuk berlaku. Justeru, sebagai penghuni yang tidak jauh dari kawasan tragedi, berita mengenai tanah runtuh yang diketahui tidak sampai sejam selepas kejadian berlaku pada jam 4 pagi, tidak mengejutkan.

Rasanya yang lebih terkejut ialah orang luar. Justeru, ramai yang bukan sekadar tertanya khabar, malah sanggup datang untuk mengulhurkan bantuan bagi mengurangkan beban. Namun, dalam suasana tragedi, maka banyak cerita dan perkara tidak diingini berlaku.

kataan dikeluarkan dalam suasana pilu, arahan yang agak keras, tindakan dilihat tidak prihatin.

Ternyata suasana sukar dikawal. Semuanya ingin mengetahui apa sebenarnya yang berlaku. Pasukan mencari dan menyelamat, penduduk setempat yang turut bertungkus-lumus pada peringkat awalnya untuk cuba mencari mereka yang hilang. Kesukaran mengorek tanah kerana setiap kali jentolak menarik keluar tanah, lagi banyak tanah mara ke hadapan, membuatkan setiap orang yang cuba membantu kelihatan buntu.

Pasukan penyelamat termasuk penduduk sekitar Bukit Antarabangsa, antaranya Persatuan Penduduk Taman Kelab Ukay (Tkura) bekerja keras untuk membantu. Daripada cuba membantu mencari jalan alternatif untuk membawa keluar penduduk yang terperangkap di sebalik runtuhan, sehingga mencari bantuan luar menghantar bantuan makanan kepada pasukan penyelamat.

Apa yang pasti dalam suasana tragedi, setiap orang ingin membantu. Tetapi ada juga dalam membantu, terkeluar kata-kata yang boleh mengguriskan perasaan dan hati mereka yang menjadi mangsa.

Tindakan tidak wajar dua atau tiga orang dalam kumpulan yang ingin membantu, tidak wajar dipalitkan kepada semua pihak yang memang ikhlas dan sanggup mengorbankan masa serta tenaga untuk membantu.

Timbalan Pengerusi Tkura, Syed Zulkifli Syed Masir bersama rakan dan anaknya, adalah antara yang paling sibuk membantu. Walaupun, pihak berkuasa tidak mahu mendedar suaranya untuk mencari jalan alternatif bagi mangsa yang terperangkap, kesabarannya menyatakan ada jalan pintas di sebalik bukit untuk mengeluarkan mangsa – akhirnya didengar juga.

Pasukan polis, tentera, bomba, Rela, pasukan udara polis dengan helikopter berlegar di udara setiap hari serta pasukan beruniform lain sehingga malam kelmarin terus berada di tapak kejadian, masih bekerja keras untuk membersihkan kawasan dan menjaga keselamatan penduduk yang diarah berpindah.

Ahli politik tanpa mengira parti turut turun melawat kawasan kejadian. Walaupun, hanya

Ramai lebih ke arah bertanya khabar, siapa mati, kasihan dengan kehilangan nyawa dan harta benda - dan hulur bantuan yang dibuat dalam suasana mengejut turut dibuat dalam situasi tidak teratur dan sukar dikawal.

Dalam suasana terkejut, tidak percaya, sedih, pilu dan kecewa 14 pemilik dan keluarga yang kehilangan nyawa orang tersayang dan harta benda yang dikumpul sepanjang hidup, ramai tidak mengetahui bahawa kesan tanah runtuh itu turut diterima lebih 5,000 lagi penduduk yang berada di kawasan di sebelah runtuhan.

Pada hari pertama kejadian, ramai mangsa yang berjalan tanpa arah haluan, melihat kepada runtuhan yang menenggelamkan harta yang dicari seumur hidup mereka.

Bagi mereka yang tidak memiliki harta benda, selain yang sudah hilang atau musnah dimamah tanah runtuh sudah pasti buntu memikirkan hari depan yang tidak menentu. Ke mana mereka akan tinggal, bagaimana mereka perlu memulakan penghidupan baru, apa akan jadi dengan hutang piutang yang mungkin masih bertimbun.

Kegagalan mereka yang datang untuk membantu memahami kesedihan dan perasaan buntu yang dihadapi mangsa tanah runtuh, cakap-cakap spekulasi mengenai harta yang kini tenggelam ditelan bumi - mungkin menyentak perasaan mangsa yang mendengar.

Justeru, dalam menghadapi suasana sedih dan tidak keruan, mangsa tanah runtuh mungkin terkilan dengan kedangkalan per-

simpati dan derma dapat diberikan, ia sedikit sebanyak melegakan kesedihan yang dirasakan. Tidak ketinggalan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan, kelab, syarikat korporat dan orang perseorangan yang tampil menghulur bantuan.

Media massa dan rakan wartawan juga banyak membantu, melaporkan kejadian dalam keadaan hujan dan panas, berdepan risiko tanah runtuh kerana pergerakan tanah yang masih terasa. Hanya menerusi mereka, bukan penduduk Bukit Antarabangsa, malah rakyat dapat mengikuti perkembangan yang berlaku di kawasan runtuhan.

Inilah hakikat perpaduan rakyat Malaysia, dalam suasana tragedi dan kesedihan, semua pihak tidak teragak-agak untuk tampil membantu. Justeru, kita semua terutama penduduk Bukit Antarabangsa, mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pasukan mencari dan menyelamatkan, polis, tentera, kumpulan NGO, parti dan ahli politik, syarikat korporat dan orang perseorangan yang tampil membantu.

Kesedihan penduduk Bukit Antarabangsa belum berakhir. Mangsa tanah runtuh masih kelam masa depan, mereka yang terpaksa mengosongkan rumah ternanti-nanti apa akan jadi, penduduk lain risau dengan spekulasi akan ada lagi tanah runtuh.

Lebih mendukacitakan penduduk ialah hartanah di Bukit Antarabangsa yang suatu ketika begitu eksklusif untuk golongan berada, kini nilainya merudum.